



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA

MAC 2023

Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia meningkat 3.1 peratus pada Mac 2023, didorong pengembangan dalam sektor Pembuatan dan Perlombongan

PUTRAJAYA, 9 Mei 2023 – Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia meningkat 3.1 peratus pada Mac 2023, didorong pengembangan dalam sektor Pembuatan dan Perlombongan. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Mac 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan berkenaan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, berkata, “IPP tumbuh 3.1 peratus pada bulan Mac 2023 selepas mencatatkan peningkatan sebanyak 3.5 peratus pada Februari 2023. Kenaikan pada bulan Mac 2023 dipacu pengembangan dalam sektor Pembuatan dengan 4.1 peratus (Februari 2023: 4.8%) dan pemulihan sebanyak 0.8 peratus dalam sektor Perlombongan (Februari 2023: -0.5%). Namun begitu, indeks Elektrik menyusut kepada negatif 0.3 peratus pada bulan berkenaan daripada pertumbuhan positif 1.1 peratus pada bulan lalu. Dari segi perbandingan bulan ke bulan, IPP kembali kepada prestasi memberangsangkan sebanyak 8.3 peratus pada Mac 2023 selepas mengalami trend penurunan untuk tiga bulan berturut-turut.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas lanjut, “Peningkatan 4.1 peratus dalam output sektor Pembuatan pada bulan Mac 2023 disokong terutamanya oleh industri berorientasikan domestik yang meningkat sebanyak 5.0 peratus (Februari 2023: 7.0%). Peningkatan dalam industri berorientasikan domestik didorong oleh Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler; dan Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan masing-masing sebanyak 9.8 peratus (Februari 2023: 9.5%) dan 5.5 peratus (Februari 2023: 8.5%). Pada masa yang sama, industri berorientasikan eksport berkembang sebanyak 3.6 peratus (Februari 2023: 3.7%), diterajui oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal yang meningkat sebanyak 7.1 peratus (Februari 2023: 6.4%); dan Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan yang melonjak sebanyak 15.2 peratus (Februari 2023:

18.3%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, sektor Pembuatan kembali kepada momentum positif untuk merekodkan 7.8 peratus selepas mencatatkan penurunan yang berterusan sejak Disember 2022.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga menambah, “Pengeluaran sektor Perlombongan meningkat secara marginal sebanyak 0.8 peratus pada Mac 2023 dipacu oleh indeks Minyak Mentah & Kondensat yang kembali pulih kepada 5.0 peratus daripada negatif 0.3 peratus yang direkodkan pada Februari 2023. Sebaliknya, indeks Gas Asli terus merosot kepada 2.1 peratus daripada negatif 0.5 peratus pada bulan sebelumnya. Perbandingan bulan ke bulan, indeks Perlombongan mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 8.5 peratus berbanding penyusutan 9.6 peratus yang direkodkan pada bulan Februari 2023.”

Sementara itu, pengeluaran Elektrik menurun sedikit sebanyak 0.3 peratus pada Mac 2023 selepas mencatatkan peningkatan 1.1 peratus bulan lalu. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Elektrik berkembang dengan pertumbuhan dua digit sebanyak 14.2 peratus berbanding negatif 0.9 peratus yang direkodkan pada bulan Februari 2023.


Mengakhiri kenyataannya dengan prestasi IPP bagi suku pertama 2023, Ketua Perangkawan berkata, “IPP menyederhana kepada 2.8 peratus tahun ke tahun berbanding 4.0 peratus yang dicatatkan pada suku keempat 2022. Pada tempoh tersebut, indeks Pembuatan dan Perlombongan masing-masing meningkat sebanyak 3.4 peratus dan 2.1 peratus; manakala indeks Elektrik terus menyusut kepada 1.2 peratus.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.


**Carta 1: Prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian,
Mac 2022 – Mac 2023**




**Carta 2: Prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian,
ST1 2022 – ST1 2023**




Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Februari 2023 dan Mac 2023




Carta 4: Prestasi Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Mac 2022 – Mac 2023



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Februari 2023 dan Mac 2023



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Februari 2023 dan Mac 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 MEI 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
MARCH 2023

Malaysia's Industrial Production Index grew by 3.1 per cent in March 2023, spurred by expansion in Manufacturing and Mining sectors

PUTRAJAYA, 9 May 2023 - Malaysia's Industrial Production Index grew by 3.1 per cent in March 2023, spurred by expansion in Manufacturing and Mining sectors. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today on the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, March 2023**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said, "IPI grew by 3.1 per cent in March 2023 after recording an increase of 3.5 per cent in February 2023. The rise in March 2023 was driven by the expansion of Manufacturing sector with 4.1 per cent (February 2023: 4.8%) and rebounded by 0.8 per cent in Mining sector (February 2023: -0.5%). Nonetheless, the Electricity index turned downward to negative 0.3 per cent during the month from a positive growth of 1.1 per cent last month. In terms of month-on-month comparison, the IPI turned around to a vigorous performance of 8.3 per cent in March 2023 after a declining trend for three consecutive months."

The Chief Statistician further commented, "The increase of 4.1 per cent in the Manufacturing sector output in March 2023 was mainly backed by the domestic-oriented industries which rose by 5.0 per cent (February 2023: 7.0%). The rise in the domestic-oriented industries was propelled by the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers; and Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment by 9.8 per cent (February 2023: 9.5%) and 5.5 per cent (February 2023: 8.5%) respectively. In the meantime, the export-oriented industries grew by 3.6 per cent (February 2023: 3.7%), induced by the Manufacture of computers, electronics & optical products which rose by 7.1 per cent (February 2023: 6.4%); and the Manufacture of vegetable and animal oils & fats which soared by 15.2 per cent (February 2023: 18.3%). In comparison with the preceding month, the Manufacturing sector returned to the positive momentum to record 7.8 per cent after registering continuous decline since December 2022."

Adding further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The output in the Mining sector advanced marginally by 0.8 per cent in March 2023 driven by Crude Oil & Condensate index which bounced back to 5.0 per cent from negative 0.3 per cent recorded in February 2023. On the other hand, the Natural Gas index declined further to 2.1 per cent from negative 0.5 per cent in the preceding month. A month-on-month comparison, the Mining index posted strong growth of 8.5 per cent as compared to a decrease of 9.6 per cent recorded in February 2023."

In the meantime, the Electricity output decreased marginally by 0.3 per cent in March 2023 after recording an increase of 1.1 per cent last month. As compared to the previous month, the Electricity index accelerated by double-digit growth of 14.2 per cent as against a negative 0.9 per cent recorded in February 2023.

Concluding his statement with the IPI performance for the first quarter of 2023, the Chief Statistician said, "The IPI moderated to 2.8 per cent year-on-year as compared to 4.0 per cent registered in the fourth quarter of 2022. During the period, the Manufacturing and Mining indices increased by 3.4 per cent and 2.1 per cent respectively; while the Electricity index continued to decline by 1.2 per cent."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

Chart 1: Performance of Industrial Production Index, March 2022 – March 2023




Chart 2: Performance of Industrial Production Index, Q1 2022 – Q1 2023




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Subsector, February 2023 and March 2023







Chart 4: Performance of Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, March 2022 – March 2023



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group,
February 2023 and March 2023**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group,
February 2023 and March 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
9 MAY 2023**